

KONSEP *NABI* DAN *RASUL* DARI PERSPEKTIF AL-QUR'AN

oleh
Wan Zailan Kamaruddin bin Wan Ali.

Abstract

The words Nabi (Prophet) and Rasul (Messenger) are often mentioned in the Holy Qur'an. Both have their own significant role and influence in Islam. Therefore, this article aims to discuss the definitions of the terms of Nabi and Rasul from the viewpoints of the Holy Qur'an and also to show the comparison between them.

Pengertian *nabi* dari sudut bahasa:

Orang-orang Arab pada kebiasaannya menggunakan perkataan *nabi* di dalam dua bentuk seperti berikut:

Pertama : Perkataan *nabi* yang berakhir dengan huruf *hamzah*.

Kedua : Perkataan *nabi* yang berakhir tanpa huruf *hamzah*.¹

Perbezaan pendapat di kalangan ahli bahasa dan ulama Islam mengenai perkataan tersebut adalah berpunca daripada kedua-dua bentuk tadi. Berhubung dengan persoalan ini, Ibn Durayd berpendapat perkataan *nabi* yang dimasukkan huruf *hamzah* di akhir adalah berasal daripada perkataan *al-naba'* yang membawa pengertian khabar atau berita.²

Ibn Manzur³ turut berpendapat demikian berdasarkan dalil yang dipetik daripada al-Qur'an: "Tentang apakah mereka saling tertanya-tanya? Tentang berita (*al-naba'*) yang besar."⁴

Dalil kedua: "Siapakah yang memberitahukan (*anba'a*) hal ini kepadamu? Nabi menjawab: Allah yang Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal telah

¹Ibn Durayd, *Kitab Jamharah al-Lughah*, III, (Baghdad, 1345/1925), h.211.

²*Ibid*; al-Bazdawi, *Kitab Usul al-Din*, tahqiq Dr.Hans Peter Linss, (Kaherah, 1383/1963), h.222.

³Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, I, (Beirut, 1375/1956), h. 162; al-Qurtubi, *Al-Jami' li-Ahkam al-Qur'an*, VII, (Kaherah, t.t), h.4472.

⁴Al-Qur'an, surah al-Naba' (78): 1-2.

memberitahukan (*nabba'a*) kepadaku.”⁵ Dalil ini menunjukkan bahawa seseorang itu dikenali sebagai *nabi* kerana dia menyampaikan berita yang diberitahu oleh Allah kepadanya.

Dalil ketiga yang menunjukkan kepada pengertian tersebut dapat dilihat dalam ayat berikut: “Khabarkanlah (*nabbi*) kepada hamba-hamba-Ku bahawa sesungguhnya Aku-lah Tuhan yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”⁶

Dalil terakhir yang dikemukakan oleh Ibn Manzur adalah menerusi ayat: “Dan khabarkanlah (*nabbi*) kepada mereka tentang tetamu Ibrahim.”⁷

Perkataan *nabi* yang tidak berakhir dengan huruf *hamzah* pula berasal daripada perkataan *al-nabwah* atau *al-nabawah* yang memberi erti ketinggian daripada sekalian isi bumi.⁸

Ibn Durayd sebaliknya mengatakan perkataan tersebut berasal daripada *al-nubuwwah* dengan pengertian yang sama.⁹ Al-Raghib menjelaskan pengertian *al-nubuwwah* di sini merujuk kepada para *nabi* yang menjadi orang perantara di antara Allah dengan orang-orang yang berakal daripada kalangan hamba-Nya dengan tujuan untuk mengenyahkan alasan mereka di dalam segala urusan yang melibatkan kehidupan dunia dan akhirat.¹⁰

Terdapat sebahagian ulama mengatakan perkataan *al-nubuwwah* adalah asas kepada perkataan *nabi* berdasarkan kepada kemuliaan kedudukan dan martabat mereka jika dibandingkan dengan para hamba Allah yang lain.¹¹

Pengertian mereka tersebut adalah berpandukan dalil al-Qur'an: “Dan Kami telah mengangkatnya kepada martabat yang tinggi.”¹² Justeru itu, perkataan *nabi* boleh dimaksudkan seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Allah (s.w.t).¹³

⁵Al-Qur'an, surah al-Tahrim (66): 3.

⁶Al-Qur'an, surah al-Hijr (15): 49.

⁷Al-Qur'an, surah al-Hijr (15): 51.

⁸Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, I, h. 162; al-Bazdawi, *Usul al-Din*, h.222.

⁹Ibn Durayd, *Jamharah al-Lughah*, III, h.211.

¹⁰Al-Raghib, *al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*, tahqiq Muhammad Sayyid Kaylani, (Misr, 381/1961), h. 195; Lane, E.W., *An Arabic-English Lexicon*, I, (Beirut, 1968), h.2753.

¹¹Al-Raghib, *Ibid*.

¹²Al-Qur'an, surah Maryam (19): 57.

¹³Al-Baghdadi, *Kitab Usul al-Din*, (Beirut, 1400/1980), h. 153.

Secara ringkas, pengertian *nabi* dilihat dari sudut bahasa mempunyai dua maksud:

- Pertama : *Nabi* merujuk kepada orang yang menyampaikan berita.
- Kedua : *Nabi* merujuk kepada orang yang mempunyai kedudukan dan martabat yang tinggi dan mulia.

Pengertian *Nabi* dari sudut istilah

Dari perspektif al-Qur'an, perkataan *nabi* dapat dilihat dalam dua (2) bentuk iaitu sama ada dalam bentuk mufrad (bilangan tunggal) atau jamak (bilangan banyak), dan kedua-dua bentuk tadi boleh didapati sebanyak tujuh puluh lima (75) kali.¹⁴

Secara umumnya, perkataan *naba'a* atau *nabba'a* mempunyai hubungan yang rapat dengan perkataan *nabi*. Perkataan *nabba'a* di dalam al-Qur'an disebutkan sebanyak empat puluh enam (46) kali.

Dari jumlah yang disebutkan, sepuluh (10) kali ia dihubungkan dalam konteks yang sama khususnya ketika Allah (s.w.t) menceritakan kepada manusia mengenai perbuatan mereka yang telah lepas dan perkara-perkara ghaib.¹⁵

Bentuk yang sama diulangi sebanyak sembilan (9) kali ditujukan secara langsung kepada Nabi Muhammad (s.a.w) supaya menyampaikan berita yang tidak diketahui oleh manusia, tentang hari Akhirat dan lain-lain.

Demikian juga dengan Nabi 'Isa (a.s) yang telah diperintahkan oleh Allah (s.w.t) agar memberitahu tentang kebenaran kerasulannya¹⁶ dan juga mengenai golongan *munafiq*.¹⁷

Perkataan *naba'* dalam bentuk mufrad atau *anba'* dalam bentuk jamak disebutkan dua puluh sembilan (29) kali dengan pengertian berita, cerita, ramalan, sejarah dan keterangan. Perkataan *naba'* sebanyak sepuluh (10) kali menceritakan tentang umat-umat terdahulu, manakala tiga (3) kali lagi menggambarkan sebahagian tugas nabi yang diutuskan sebagai penyampai berita daripada Allah.¹⁸

Bentuk jamak *anba'* pula sebanyak sembilan (9) kali mengenai cerita zaman dahulu, dan dalam tiga (3) ayat ditemui rangkai kata berikut *dhalika min anba' al-*

¹⁴Abd al-Baqi, *al-Mu'jam al-Mufahras li-Alfaz al-Qur'an al-Karim*, (Kaherah, 1364), h. 686-687.

¹⁵Abd al-Baqi, *Ibid*, h.685.

¹⁶Al-Qur'an, surah Ali 'Imran (3): 49.

¹⁷Al-Qur'an, surah al-Tawbah (9): 64.

¹⁸Al-Qur'an, surah al-Naba' (78): 2; surah Sad (38): 67; surah al-An'am (6): 67.

*ghayb*¹⁹ berkenaan berita-berita yang tidak diketahui oleh sesiapa pun dengan cara biasa.

Al-Qur'an sering kali menggunakan perkataan *nabi* di dalam kedua-dua bentuk mufrad dan jamak. Bentuk mufrad *nabi* terdapat di dalam tujuh belas (17) surah dengan jumlahnya sebanyak lima puluh empat (54) kali.

Bentuk jamak yang pertama, *nabiyyun* atau *nabiyyin* berjumlah enam belas (16) kali dan tiga (3) kali daripadanya termasuk di dalam kategori ayat-ayat *Makkiyyah*,²⁰ manakala bentuk jamak yang kedua *anbiya'* disebutkan sebanyak lima (5) kali dan semuanya terdiri daripada ayat-ayat *Madamiyyah*.²¹

Sebilangan besar ayat al-Qur'an yang menyentuh tentang *nabi*, menunjukkan mereka adalah terdiri daripada para *nabi* Bani Isra'il.²² Perkataan *al-nubuwwah* dalam beberapa ayat juga dihubungkan dengan suatu ikatan yang istimewa dengan beberapa perkataan lain termasuklah *al-kitab* dan *al-hukm*.

Perkaitan tersebut dapat dilihat di dalam hubungannya dengan keturunan Nabi Ibrahim (a.s) dan *al-kitab*. Bijlefeld mengatakan: "bagi mereka yang membuat pengkajian tentang persoalan *al-nubuwwah*, tentunya dapat melihat suatu gabungan yang istimewa di antara *al-nubuwwah* dengan Nabi Ibrahim (a.s) dan keturunannya. Pada masa yang sama memperlihatkan kaitan *al-nubuwwah* dengan *al-kitab*."²³

Kenyataan tersebut dapat dibuktikan daripada dalil al-Qur'an: "Dan Kami anugerahkan kepada Ibrahim, Ishaq dan Ya'qub dan Kami berikan kenabian *al-nubuwwah* dan kitab (*al-kitab*) kepada keturunannya."²⁴ Dalam dalil al-Qur'an yang lain pula dinyatakan: "Sesungguhnya Kami telah memberikan kitab (*al-kitab*) dan hikmah (*al-hukm*) kepada keluarga Ibrahim."²⁵

Para ulama Islam berselisih pendapat dalam perkara tersebut kerana sudut pemerhatian dan pemahaman mereka adalah berlainan di antara satu dengan lain.

¹⁹ Abd al-Baqi, *al-Mu'jam al-Mufahras*, h.686.

²⁰ Al-Qur'an, surah al-Isra' (17): 55; surah Maryam (19): 58; surah al-Zumar (39): 69.

²¹ Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 91; surah Ali 'Imran (3): 112, 181; surah al-Nisa' (4): 155; surah al-Ma'idah (5): 20.

²² Al-Qur'an, surah al-Jathiyah (45): 16.

²³ Bijlefeld, W.A., "A Prophet and more than a prophet," dlm. *Muslim World*, The Hartford Seminary Foundation, (Connecticut, 1969), LIX, h.18.

²⁴ Al-Qur'an, surah al-'Ankabut (29): 27.

²⁵ Al-Qur'an, surah al-Nisa' (4): 54.

Secara keseluruhannya, pendapat-pendapat mereka boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan.

Kumpulan pendapat pertama terdiri daripada al-Tahawi yang berpendapat perkataan *nabi* membawa maksud seorang yang diberitahu oleh Allah tentang berita-berita daripada langit dan mereka tidak diperintah menyampaikan berita tersebut kepada orang lain.²⁶

Al-Sya'rani pula berpendapat perkataan *nabi* dimaksudkan kepada seseorang yang disampaikan sesuatu perkara, memadamkan perkara itu untuk dirinya secara khusus dan ia ditegah menyampaikannya kepada orang lain.²⁷

Kedua-dua pendapat di atas boleh dikatakan menepati maksud yang dikemukakan oleh al-Diyarbakri mengenai dua buah surah yang berkait rapat dengan Nabi Muhammad (s.a.w). Kenyataan tersebut adalah seperti berikut:

*"Fa kana fi nuzul surat Iqra' nubuwwatuhi, "wa fi nuzul surat al-Muddaththir risalatuhu."*²⁸

Maksudnya: "Pada penurunan surah *Iqra'* (membuktikan) kenabiannya, dan penurunan surah *al-Muddaththir* pula (membuktikan) kerasulannya."

Justeru itu, perbezaan di antara perkataan *nabi* dan *rasul* memperlihatkan bahawa *nabi* adalah seorang yang menerima wahyu daripada Allah untuk dirinya sendiri tetapi apabila diperintah menyampaikan wahyu tersebut kepada orang lain, dia dikenali sebagai *rasul*.²⁹

Kumpulan pendapat kedua pula memperhatikan perbezaan *nabi* dan *rasul* dari sudut yang berbeza berbanding dengan pendapat sebelumnya. Al-Zamakhsyari lebih menitikberatkan pemisahan perkataan *nabi* daripada kitab dan syariah. Beliau mengatakan perkataan *nabi* bermaksud seorang yang tidak diberikan kitab dan dia hanya diperintah menyeru manusia supaya mengikut syariah yang terdahulu daripadanya.³⁰

Al-Baydawi mempunyai pendapat yang hampir sama dengan al-Zamakhsyari kerana beliau juga melihat aspek tersebut sebagai ciri perbezaannya. Beliau

²⁶ Al-Tahawi, *Syarah al-'Aqidat al-Tahawiyah*, (Beirut, 1391/1971), h.167; al-Alusi, *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab' al-Musani*, XVII, (Beirut, t.t), h.173.

²⁷ Al-Sya'rani, *al-Yawaqit wa al-Jawahir fi Bayan 'Aqa'id al-Akabar*, II, (Misr, 1897), h.22.

²⁸ Al-Diyarbakri, *Tarikh al-Khamis fi Ahwal Anfas Nafis*, I, (Beirut, t.t), h.282.

²⁹ Al-Alusi, *Ruh al-Ma'ani*, XVII, h.172.

³⁰ Al-Zamakhsyari, *al-Kasysyaf 'an Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*, III, (Misr, 1354), h.37.

berpendapat perkataan *nabi* merujuk kepada seorang yang tidak dikurniakan kitab dan dia hanya diutus untuk meneruskan syariah para nabi yang terdahulu daripadanya seperti yang telah dilakukan oleh para nabi Bani Isra'il yang datang selepas Nabi Musa (a.s) sehingga kepada Nabi 'Isa (a.s).³¹

Al-Nasafi juga bersependapat dengan al-Zamakhsyari. Di samping itu, beliau menambahkan lagi dengan mengatakan kedudukan *nabi* hanyalah sebagai pemelihara atau penjaga syariah yang telah dibawa oleh nabi-nabi lain.³²

Berdasarkan ketiga-tiga pendapat ulama yang disebutkan, ternyata pengertian *nabi* menurut mereka adalah tidak selari dengan keterangan al-Qur'an kerana gambaran yang diberikan adalah sebaliknya. Kedudukan ini dapat dilihat terutama mengenai kaitan di antara perkataan *al-nubuwwah*, *al-kitab* dan *al-hukm*. Daripada dalil-dalil al-Qur'an tersebut³³ jelas menunjukkan bahawa *nabi* juga menerima kitab.

Kumpulan pendapat ketiga pula memberikan perhatian mereka kepada hubungan di antara *nabi* dengan cara-cara penerimaan wahyu daripada Allah. Al-Baghdadi menjelaskan bahawa perkataan *nabi* memberi erti seorang yang dikurniakan wahyu oleh Allah, dan malaikat ditugaskan bagi menyempurnakan penyampaian wahyu kepada *nabi* tersebut.³⁴

Al-Qurtubi dan al-Khazin berpendapat *nabi* adalah seorang yang menerima tugas atau tanggungjawab kenabiannya menerusi ilham atau mimpi.³⁵ Al-Razi juga berpendapat demikian kerana beliau lebih menekankan penggunaan perkataan ilham atau mimpi sebagai ciri-ciri penting dalam pengertian *nabi*.³⁶

Al-Tabataba'i di dalam penjelasannya mengemukakan beberapa riwayat yang diambil daripada *Ahl al-Bayt* Rasulullah (s.a.w), di antaranya *nabi* bermaksud seorang yang melihat (malaikat) di dalam mimpi (*manami-hi*) dan dapat mendengar suaranya tetapi tidak dapat melihat malaikat dalam keadaan sedar.

³¹Al-Baydawi, *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, IV, (Beirut, t.t), h.57.

³²Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi @ Madarik al-Tanzil*, III, (Misr, t.t), h.106.

³³Al-Qur'an, surah al-An'am (6): 89; surah al-Jathiyah (45): 16; surah Maryam (19): 30.

³⁴Al-Baghdadi, *Usul al-Din*, h.153; *al-Farq*, h.206. Al-Asy'ari juga melihat kedudukan seseorang *nabi* dari sudut pertemuan dengan malaikat dan penerimaan wahyu menerusinya. (Lihat: Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari*, VI, h.302.)

³⁵Al-Qurtubi, *Ahkam al-Qur'an*, VII, h.4472; al-Khazin, *Bab al-Ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil*, Misr, t.t, III, h.313.

³⁶Al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir @ Mafatih al-Ghayb*, XXIII, (Misr, 1354/1935), h.48; al-Bazdawi, *Usul al-Din*, h.22.

Di dalam takrifan yang lain, *nabi* bermaksud seorang yang dapat melihat malaikat di dalam mimpinya, atau seorang yang dapat melihat mereka menerusi mimpi (*al-manam*) dan diwahyukan kepadanya dalam keadaan tersebut.³⁷

Ternyata kumpulan pendapat yang ketiga lebih menekankan pengertian *nabi* berasaskan kepada cara-cara penerimaan wahyu daripada Allah (s.w.t) sebagai ciri-ciri utamanya.

Pengertian *Rasul* dari sudut bahasa:

Perkataan *rasul* berasal daripada kata dasar *arsala - irsal*, yang memberikan beberapa pengertian dari sudut bahasa:

- Pertama : Perutusan, percampuran dan keseluruhan.
- Kedua : Perutusan secara paksaan dikhususkan bagi sesuatu yang tidak berakal untuk memikul sesuatu perkara sama ada ia dibenci ataupun disukai.
- Ketiga : Perutusan seorang yang berakal dengan membawa berita mengenai perkara-perkara keduniaan.
- Keempat : Perutusan berita terutama berhubung dengan persoalan keagamaan.³⁸

Menurut Ibn Manzur, perkataan *al-irsal* memberi maksud yang sama seperti di atas kerana seseorang itu dikenali sebagai *rasul* apabila dia diutus untuk melakukan suatu tugas yang penting.³⁹

Pengertian tersebut adalah berasaskan dalil al-Qur'an: "Dan sesungguhnya aku mengirinkan utusan (*al-mursilah*) kepada mereka dengan membawa hadiah dan aku akan menunggu apa yang akan dibawa kembali oleh utusan-utusan itu (*al-mursalun*)."⁴⁰

Rasul yang disebutkan di sini merujuk kepada seseorang yang menuruti berita yang disampaikan oleh orang yang mengutuskannya. Hakikat tersebut berdasarkan kedudukan mereka di sisi Allah: "Kemudian Kami utuskan (pada umat-umat itu) rasul-rasul (*rusul*) Kami secara berturut-turut."⁴¹

³⁷Al-Tabataba'i, *al-Mizan fi Tafsir al-Qur'an*, XIV, (Tehran, 1342), h. 430; al-Kulayni, *al-Usul min al-Kafi*, Tehran, I, (1381), h. 176-177.

³⁸Majma'al-Lughah al-'Arabiyyah, *Mu'jam Alfaz al-Qur'an al-Karim*, I, (Kaherah, 1390/1970), h.493.

³⁹Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, XI, h.280.

⁴⁰Al-Qur'an, surah al-Naml (27): 35.

⁴¹Al-Qur'an, surah al-Mu'minun (23): 44.

Rasul diutuskan untuk membawa perutusan Allah dan mereka dipertanggungjawabkan untuk menjalankan tugas menyampaikan serta mematuhi perutusan tersebut.⁴² Mengikuti tradisi orang-orang Arab terutama menerusi karya-karya kesusasteraan, mereka biasanya menggunakan perkataan *rasul* dengan pengertian wakil atau utusan (envoy or messenger).⁴³

Pengertian *Rasul* dari sudut istilah:

Kata dasar *arsala* terdapat di dalam al-Qur'an sebanyak seratus tiga puluh lima (135) kali. Lebih kurang lapan puluh (80) kali daripada jumlah tersebut berkaitrapat dengan perutusan para nabi dan rasul, sementara perkataan *risalah* disebutkan sebanyak sepuluh (10) kali, iaitu lapan (8) kali di dalam ayat-ayat *Makkiyyah* dan dua (2) kali di dalam ayat-ayat *Madaniyyah*.⁴⁴

Perkataan *mursal* juga mempunyai maksud yang sama dengan *rasul* kerana kedua-duanya adalah berpunca daripada kata dasar yang sama. Alasan tersebut adalah berpandukan kisah Nabi Lut (a.s) kerana kedua-dua perkataan di atas digandingkan secara seiring di dalam konteks yang sama *rasulun amin*⁴⁵ dan *min al-mursalin*.⁴⁶

Perkataan *mursal* disebutkan sebanyak tiga puluh enam (36) kali dan kebanyakannya didapati dalam bentuk jamak, dan hanya terdapat dua (2) kali sahaja ia disebutkan di dalam bentuk mufrad.⁴⁷ Pengertian *rasul* secara keseluruhannya bolehlah dibahagikan kepada tiga kumpulan pendapat berdasarkan sudut-sudut pemerhatian mereka masing-masing.

Kumpulan pendapat pertama termasuklah al-Tahawi yang berpendapat *rasul* adalah seorang yang menerima berita yang disampaikan oleh Allah (s.w.t) dan dia diperintah menyampaikan berita tersebut kepada orang lain.⁴⁸

Al-Sya'rani membahagikan perkataan *rasul* kepada dua pecahan.

Pertama : Perkataan *rasul* secara khusus.

Kedua : Gabungan di antara kedua-dua perkataan *rasul* dan *nabi*.

⁴²Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, XI, h.280.

⁴³Wensinck, A.J., "Rasul" dlm. *EI*, III, Edisi baru, (Leiden, 1960), h.1127.

⁴⁴Abd al-Baqi, *al-Mu'jam al-Mufahras*, h.319.

⁴⁵Al-Qur'an, surah al-Syu'ara' (26): 162.

⁴⁶Al-Qur'an, surah al-Safat (37): 133.

⁴⁷Abd al-Baqi, *al-Mu'jam al-Mufahras*, h.320.

⁴⁸Al-Tahawi, *Syarh al-'Aqidah al-Tahawiyyah*, h.167; al-Alusi, *Ruh al-Ma'ani*, XVII, h.173.

Sehubungan dengan itu, beliau mengatakan seseorang itu dikenali sebagai *rasul* seandainya dia tidak dikhususkan dengan sesuatu hukum sebagai tanggungjawab (*haq*) bagi dirinya. Walau bagaimanapun, sekiranya dia dikhususkan supaya menyampaikan perkara tersebut sebagai tanggungjawab bagi dirinya, dia dikenali sebagai *rasul* dan *nabi*.⁴⁹

Secara ringkas, pendapat-pendapat mereka menekankan peranan *rasul* sebagai penyampai perutusan Allah kepada umat manusia.

Kumpulan pendapat kedua pula di antara mereka termasuklah al-Zamakhshari yang berpendapat, perkataan *rasul* merujuk kepada seorang yang dianugerahkan *al-kitab*⁵⁰ dan *al-syari'ah* yang menjadi bukti kerasulan dan membezakan mereka daripada kenabian.⁵¹

Al-Baydawi mengatakan *rasul* boleh dimaksudkan kepada seorang yang diutuskan Allah dengan membawa suatu *syari'ah* yang baru dan menyeru umat manusia mengikuti *syari'ah* tersebut.⁵²

Al-Baghdadi mengemukakan pendapat yang merangkumi ciri-ciri seperti yang dijelaskan oleh al-Baydawi.

Beliau mengatakan *rasul* bermaksud seorang yang diberikan *syari'ah* permulaan atau dengan suatu *syari'ah* yang membatalkan sebahagian hukum yang terkandung di dalam *syari'ah* sebelumnya.⁵³

Al-Nasafi berpegang kepada pendapat al-Zamakhshari di dalam pengertiannya mengenai perkataan tersebut kerana beliau berpendapat *rasul* adalah merujuk kepada seorang yang dianugerahkan *al-kitab*.⁵⁴

Secara ringkas, pendapat kumpulan kedua lebih menekankan kepada penerimaan kitab atau dengan kata-kata lain, *syari'ah* yang baru bagi menggantikan *syari'ah* terdahulu.

Kumpulan pendapat ketiga pula terdiri daripada al-Razi yang menekankan cara-cara penyampaian wahyu Allah menerusi perantaraan malaikat yang

⁴⁹ Al-Sya'rani, *Yawaqit*, II, h.22.

⁵⁰ Al-Zamakhshari, *al-Kasysyaf*, III, h.37.

⁵¹ Al-Sayyid al-Murtada al-Zabidi, *Itihaf al-Sadat al-Muttaqin bi-Syarh Asrar Ihya' 'Ulum al-Din*, II, (Beirut, t.t), h.201.

⁵² Al-Baydawi, *Anwar al-Tanzil*, IV, h.57.

⁵³ Al-Baghdadi, *Usul al-Din*, h.154.

⁵⁴ Al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, III, h.106.

memberitahukan wahyu tersebut kepada mereka dengan cara berhadapan dan mereka pula dapat berbicara dengannya.⁵⁵

Pendapat seterusnya dipegang oleh al-Qurtubi dan al-Khazin. Al-Qurtubi mengambil kata-kata al-Farra' sebagai takrifan. Menurutnya *rasul* dirujuk kepada seorang yang diutuskan kepada umat manusia menerusi perutusan malaikat Jibril yang memperlihatkan dirinya kepada para *rasul* dengan cara terang-terangan.⁵⁶

Menerusi sumber *Ahl al-Bayt* Rasulullah (s.a.w), al-Tabataba'i menjelaskan bahawa *rasul* mempunyai kaitan yang rapat dengan aspek wahyu kerana mereka menerimanya melalui malaikat yang membawakan wahyu tersebut turun dan seterusnya disampaikan kepada mereka. Keistimewaan *rasul* berbanding dengan *nabi* ialah mereka dapat melihat dan berbicara dengan malaikat tersebut secara langsung.⁵⁷

Semua pendapat kumpulan ketiga lebih menumpukan perhatian mereka kepada cara-cara penerimaan wahyu menerusi perantaraan malaikat sebagai asas membezakan kedua-dua perkataan tadi.

Perbandingan di antara *Nabi* dan *Rasul*

Penelitian tentang penggunaan kedua-dua perkataan *nabi* dan *rasul* di dalam al-Qur'an menunjukkan bahawa perkataan *rasul* lebih banyak ditekankan berbanding dengan perkataan *nabi*.

Dari segi bilangan, perkataan *rasul* adalah berjumlah tiga ratus tiga puluh dua (332) kali iaitu dua ratus tiga puluh enam (236) kali di dalam bentuk mufrad dan sembilan puluh enam (96) kali di dalam bentuk jamak,⁵⁸ manakala perkataan *nabi* pula berjumlah sebanyak tujuh puluh lima (75) kali, iaitu lima puluh empat (54) kali di dalam bentuk mufrad dan dua puluh satu (21) kali di dalam bentuk jamak.⁵⁹

Implikasi daripada bilangan para *nabi* dan *rasul* menunjukkan bahawa al-Qur'an lebih menekankan kedudukan dan peranan seseorang *rasul* dibandingkan dengan *nabi*. Demikian juga al-Qur'an menyebutkan kelebihan yang diperolehi oleh *rasul* berbeza dengan *nabi* kerana terdapat ramai di kalangan *nabi* yang dibunuh oleh kaum mereka sendiri.

⁵⁵Al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir*, XXIII, h.48.

⁵⁶Al-Qurtubi, *Ahkam al-Qur'an*, VII, h.4472; al-Khazin, *Bab al-Ta'wil*, III, h.313.

⁵⁷Al-Tabataba'i, *al-Mizan*, XIV, h.430; al-Kulayni, *al-Usul min al-Kafi*, I, h.176.

⁵⁸Abd al-Baqi, *al-Mu'jam al-Mufahras*, h.314-319.

⁵⁹*Ibid*, h.686-687.

Ini dapat dilihat di dalam firman Allah: "Sesungguhnya orang-orang yang kafir kepada ayat-ayat Allah dan membunuh para *nabi* tanpa alasan yang benar."⁶⁰

Perkara seperti itu tidak terjadi ke atas para *rasul* kerana Allah sendiri yang memelihara dan menyelamatkan mereka daripada musuh-musuh mereka. Kekalahan mereka di tangan musuh-musuh Allah bererti kemenangan pihak lawan ke atas Allah, dan tentulah ia tidak dapat diterima akal.

Walau bagaimana kuat tentangan musuh ke atas para utusan Allah tetapi kemenangan mutlak adalah milik Allah seperti yang dinyatakan oleh al-Qur'an: "Aku dan rasul-rasul-Ku pasti menang. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa."⁶¹

Al-Qur'an sering kali menggunakan rangkaian kata "taat - patuh, ingkar - mungkir" kepada perkataan *rasul* tetapi keistimewaan yang sama tidak pula ditemui berkaitan dengan perkataan *nabi*.⁶² Di kalangan *rasul* pula, Nabi Muhammad (s.a.w) merupakan seorang *rasul* yang mempunyai kedudukan yang utama.

Kenyataan tersebut dapat dilihat daripada pemakaian rangkaian kata: "Allah dan Rasul-Nya" iaitu Nabi Muhammad (s.a.w) disebutkan sebanyak lapan puluh lima (85) kali, sedangkan para *rasul* yang lain hanya diceritakan secara umum: "Allah dan rasul-rasul-Nya" sebanyak tiga (3) kali sahaja.⁶³

Kedudukan para *rasul* diperlihatkan dalam bentuk yang lebih menonjol terutama sekali Nabi Muhammad (s.a.w) yang disoroti sebagai suatu lambang yang unik.

Dari perspektif al-Qur'an, Nabi Muhammad (s.a.w) bukan sahaja menjadi *nabi* dan *rasul* kepada kaumnya yang belum pernah diutuskan seorang *rasul*⁶⁴ tetapi juga menjadi *rasul* kepada seluruh umat manusia.⁶⁵

Dari aspek kemasyarakatan, seseorang *rasul* memainkan peranan yang penting kerana al-Qur'an telah menggambarkan beberapa peranan yang harus mereka lakukan. Di antaranya:

⁶⁰Al-Qur'an, surah Ali 'Imran (3): 21, 112, 181; surah al-Nisa' (4): 155.

⁶¹Al-Qur'an, surah al-Mujadalah (58): 21.

⁶² Bijlefeld, W.A., "The Prophet and more than a prophet," dlm. *Muslim World*, LIX, h.21-22.

⁶³ Abd al-Baqi, *al-Mu'jam al-Mufahras*, h.316-318.

⁶⁴Al-Qur'an, surah al-Qasas (28): 46; surah al-Sajdah (32): 43; surah Saba' (34): 43.

⁶⁵Al-Qur'an, surah Saba' (34): 28.

- Pertama : Pemberi ancaman (*nadhir - mundhir*): “Dan Kami tidak membinasakan sesuatu negeri pun melainkan sesudah ada baginya orang-orang yang memberi peringatan (*mundhirin*).”⁶⁶
- Kedua : Pemimpin umat (*hadin*): “Dan bagi tiap-tiap kaum ada orang yang memberikan petunjuk (*hadin*).”⁶⁷
- Ketiga : Pembawa berita gembira (*basyir - mubasysyir*): “Dan Kami tidak mengutuskan kamu melainkan sebagai pembawa berita gembira (*mubasysyiran*).”⁶⁸
- Keempat : Saksi (*syahid*): “Dan Kami datangkan daripada tiap-tiap umat seorang saksi (*syahidan*).”⁶⁹
- Kelima : Pemberi peringatan (*mudhakkir*): “Maka berilah peringatan kerana sesungguhnya kamu hanyalah orang yang memberi peringatan (*mudhakkir*).”⁷⁰

Walau bagaimanapun, daripada kelima-lima peranan dan tanggungjawab yang disebutkan kepada *rasul*, hanya tiga peranan dan tanggungjawab sahaja yang diberikan kepada *nabi* iaitu *syahid* (saksi), *basyir* (pemberi berita gembira) dan *nadhir* (pemberi peringatan).

Ini dibuktikan daripada firman Allah (s.w.t): “Hai nabi, sesungguhnya Kami mengutuskanmu untuk menjadi saksi (*syahidan*), pembawa berita gembira (*mubasysyiran*) dan pemberi ancaman (*nadhiran*),”⁷¹ manakala dalam ayat yang lain disebutkan dua tugas sahaja iaitu *mubasysyirin* dan *mundhirin*.⁷²

Secara umumnya, peranan *nabi* dan *rasul* yang terpenting ialah sebagai pemberi ancaman (*nadhir - mundhir*) dan pembawa berita gembira (*basyir - mubasysyir*).

⁶⁶Al-Qur'an, surah al-Syu'ara' (26): 208; surah Fatir (35): 24; surah al-An'am (6): 130; surah al-Zumar (39): 71; surah al-Qamar (54): 5, 23, 33, 41.

⁶⁷Al-Qur'an, surah al-Ra'd (13): 7.

⁶⁸Al-Qur'an, surah al-Isra' (17): 105; surah al-Ma'idah (5): 19; surah Taha (20): 19; surah al-Qasas (28): 45, 59.

⁶⁹Al-Qur'an, surah al-Qasas (28): 75.

⁷⁰Al-Qur'an, surah al-Ghasiyah (88): 21.

⁷¹Al-Qur'an, surah al-Ahzab (33): 45.

⁷²Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 213.